

14 APR 1997

Mahathir - Islam

NEGARA ISLAM BOLEH WUJUDKAN SUASANA BAGI KEAMANAN DUNIA, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 14 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia dan Mesir sependapat bahawa negara-negara Islam mempunyai kemampuan untuk memainkan peranan penting bagi mewujudkan suasana ke arah keamanan dan kestabilan dunia.

Perdana Menteri berkata keadaan itu tidak mungkin dapat dicapai melainkan umat Islam benar-benar yakin kepada persaudaraan Islam dan tidak lagi menggunakan Islam sebagai alasan untuk melalaikan umat Islam lain dan menggugat kestabilan politik negara-negara Islam.

Di rantau Asia Barat, persoalan mengenai Palestin dan konflik Arab-Israel tidak dapat diselesaikan kerana sikap tamam dua muka Israel dan tindakannya yang angkuh, katanya di majlis makan malam bagi meraikan Perdana Menteri Mesir, Dr Kamal El Ganzouri di Sri Perdana di sini, malam ini.

Amat menyedihkan dan dikesali tindakan-tindakan Israel itu yang sepatutnya mendapat kutukan sekeras-kerasnya telah direstui oleh negara-negara tertentu.

"Israel wajar dikenakan pelbagai bentuk sekatan tetapi sekatan hanya dikenakan ke atas negara-negara yang lemah kerana kesalahan kecil melanggar hak asasi manusia," katanya.

Dr Mahathir berkata Malaysia menghargai peranan aktif yang dimainkan Mesir dalam proses damai Asia Barat.

Dr Mahathir berkata kegigihan Presiden Hosni Mubarak berusaha untuk menamatkan konflik itu walaupun berhadapan dengan sikap keras kepala Israel wajar diberi pujian dan sokongan yang padu oleh semua pihak.

Katanya, Malaysia tidak akan mengadakan hubungan dengan Israel selagi rejim itu tidak menghormati perjanjian yang telah dimeterai oleh kerajaannya.

Mengenai hubungan perdagangan antara Malaysia dan Mesir, Dr Mahathir berkata ia telah meningkat secara mendadak dalam beberapa tahun kebelakangan ini tetapi jumlah dagangan masih kecil dan terhad kepada beberapa produk sahaja.

Katanya, Malaysia melihat Mesir sebagai rakan perniagaan yang ideal dan sebagai saluran yang baik bagi memasuki negara-negara Arab dan Afrika.

Malaysia akan menggalakkan sektor swastanya menerokai peluang-peluang perdagangan di Mesir.

Perdana Menteri berkata kerajaan Malaysia melihat secara positif kerjasama yang dijalinan antara Dewan Perniagaan dan Perindustrian Kebangsaan Malaysia dan Persatuan Ahli Perniagaan Mesir pada 1993.

Katanya, dalam semangat perpaduan Islam dan kerjasama Selatan-Selatan, Malaysia dan Mesir juga telah mewujudkan rangka kerja perundangan bagi meningkatkan hubungan dua hala.

Kedua-dua negara telah menandatangani beberapa perjanjian kerjasama seperti perdagangan, teknikal, sains, kebudayaan, ekonomi, dan pengangkutan udara dan pada masa ini perjanjian baru juga sedang diusahakan meliputi bidang jaminan pelaburan, hal ehwal wakaf dan agama, pelancongan, mengelak cukai berganda, dan sains dan teknologi.

Namun begitu, interaksi antara kedua-dua negara dalam sebahagian besar bidang tersebut masih tidak mencukupi.

Beliau berkata Malaysia sentiasa melihat Mesir sebagai pemimpin di Blok Asia Barat/Afrika dan Malaysia meletakkan keutamaan untuk meningkatkan kerjasama erat dengan Mesir.

Dr Mahathir berkata adalah menghairankan walaupun hubungan antara rakyat dan rakyat kedua-dua telah lama terjalin, tetapi hubungan tersebut hanya dari segi naluri sahaja tetapi tidak secara nyata.-- BERNAMA
SJA OBA